

Headline	Elak guna khidmat pihak tidak dikenali		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	22	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	243 cm ²
Journalist	Badrila Jamlus	AdValue	RM 8,975
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,924



Elak guna khidmat pihak tidak dikenali

■ Jemaah haji dinasihat berurusan di kaunter Tabung Haji bagi pembayaran dam dan korban

Daripada Badrila Jamlus
di Makkah

Jemaah haji Malaysia dinasihatkan tidak menggunakan pihak yang tidak dikenali bagi tujuan pembayaran dam dan ibadah korban kerana bimbang pelaksanaannya tidak sempurna dan mengikut syariat," kata Timbalan Ketua Rombongan Haji (Kebejikan), Tengku Aziz Raja Abdullah.

+ Ini kerana, setiap kali musim haji, ada pihak tertentu yang tidak dikenali sering menawarkan perkhidmatan ibadah sampingan seperti

badal haji, pembayaran dam dan pembelian binatang untuk ibadah korban khususnya di Makkah.

Sehubungan itu, jemaah digalakkan membuat bayaran dam dan korban di kaunter Tabung Haji bagi mengekalkan sebarang keraguan yang mungkin menjelaskan ibadah haji.


"Pihak yang tidak dikenali ini tidak dilantik Tabung Haji dan orang ramai dinasihat tidak mudah percaya dengan

pujuk rayu mereka, malah tiada sebarang jaminan bahawa amanah ibadah mereka itu akan ditunaikan mengikut syariat," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Tengku Aziz berkata, walaupun bayaran dam yang ditawar lebih rendah misalnya 150 Saudi Riyal, kemungkinan mereka membeli binatang yang tidak cukup sihatnya ataupun langsung tidak melakukannya sebagai

mana yang dijanjikan, sekali gus menyebabkan pelaksanaan dam seseorang jemaah itu tergantung.

Beliau berkata, Tabung Haji menyediakan perkhidmatan untuk semua ibadah sampingan itu di Tanah Suci termasuk membayar dam, badal haji dan ibadah korban yang boleh dibuat di pejabat Tabung Haji seluruh negara atau kaunter kewangan Tabung Haji di Madinah dan Makkah.



HAIWAN untuk tujuan korban dan dam boleh didapati di Pasar Kakkiyah.